

# UMS sasar semua pelajar tinggal di kolej kediaman

## ► Pelan tindakan jangka panjang dibuat untuk pastikan kemudahan tempat tinggal

Oleh HENRY BATING

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengunjurkan sasaran seluruh pelajar tinggal di kolej kediaman secara berperingkat beberapa tahun dari sekarang.

Timbalan Naib Canselor UMS bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Dr Ismail Ali berkata pada masa ini semua kolej kediaman di tiga kampus melibatkan Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan hanya dapat menampung tempat tinggal untuk pelajar tahun pertama.

"Kalangan pelajar tahun dua dan ke atas memperoleh

“Pada masa ini semua kolej kediaman di tiga kampus melibatkan Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan hanya dapat menampung tempat tinggal untuk pelajar tahun pertama. Kalangan pelajar tahun dua dan ke atas memperoleh tempat tinggal di kolej kediaman berdasarkan kriteria kemahasiswaan manakala selebihnya tinggal di luar menyewa atau bersama keluarga.”

**PROF MADYA DR ISMAIL ALI**  
Timbalan Naib Canselor UMS HEPA

tempat tinggal di kolej kediaman berdasarkan kriteria kemahasiswaan manakala selebihnya tinggal diluar menyewa atau bersama

keluarga,” kata Dr Ismail. Dr Ismail berkata pengurusan universiti di bawah Naib Canselor Prof Datuk Dr Harun Abdullah



menyedarikapasiti yang dapat ditampung kolej kediaman maka pelan tindakan dibuat untuk memastikan bilangan pelajar yang ramai di kampus itu mendapat kemudahan tempat tinggal dalam kampus yang mencukupi.

Dr Ismail menyatakan demikian ketika berucap merasmikan majlis penutupan Bengkel Pemantapan Pengurusan Kolej dan Pembangunan Felo di Anjung Siswa UMS di sini pada Sabtu.

Kira-kira 80 kakitangan kolej kediaman hadir melibatkan pegawai pengurusan, pengetua dan felo kolej kediaman mengikuti bengkel dua hari itu.

Hari pertama diisi dengan pembentangan mengenai fungsi bahagian perumahan dan hospitaliti, peranan dan tanggungjawab felo serta pengurusan dan pentadbiran kolej kediaman.

Hari kedua adalah bengkel, rumusan dan laporan.